

PAUPM setuju tak perlu universiti pertanian baru

Serdang: Persatuan Alumni Universiti Putra Malaysia (PAUPM) menyokong penuh titah Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, bahawa penubuhan sebuah universiti pertanian yang baru adalah tidak perlu.

Ini kerana UPM terus proaktif memperkukuhkan bidang agrobioteknologi yang menjadikan pertanian sebagai teras penubuhan walaupun sudah ditukar daripada nama asalnya, Universiti Pertanian Malaysia.

Setiausaha Agung PAUPM, Ghazali Selamat, berkata penubuhan sebuah universiti pertanian atau berasaskan pertanian di lokasi lain memerlukan dana besar, manakala tenaga pakar di negara ini terhad dan tidak mencukupi untuk memenuhi keperluan.

Oleh itu, katanya, peruntukan bagi penubuhan universiti berkenaan lebih wajar disalurkan kepada UPM untuk memperkasa bidang pertanian secara lebih berprestij supaya institusi berkenaan menjadi rujukan golongan petani, penternak dan nelayan.

Ketika ini, beliau berkata, pekerjaan dalam bidang pertanian menyumbang kira-kira 16 peratus Keluaran

“
Jumlah tenaga kerja dalam sektor pertanian pula merosot daripada kira-kira 1.6 juta orang pada 1995 kepada 980,000 pada 2010”

Ghazali Selamat,
Setiausaha Agung PAUPM

Dalam Negara Kasar (KDKNK), jauh lebih tinggi berbanding negara maju seperti Amerika Syarikat yang hanya mencatat tujuh peratus.

Anjur bengkel

“Jumlah tenaga kerja dalam sektor pertanian pula merosot daripada kira-kira 1.6 juta orang pada 1995 kepada 980,000 pada 2010. Apabila Malaysia mencapai status negara maju pada 2020, ia dijangka terus merosot kepada

lima peratus.

“Oleh sebab itulah kami menyokong titah Sultan Selangor bahawa tiada keperluan menubuhkan sebuah universiti pertanian baru,” katanya kepada BH.

Pada Majlis Konvokesyen UPM Ke-37, baru-baru ini, Sultan Sharafuddin yang juga Canselor universiti itu bertitah, cadangan menubuhkan sebuah universiti pertanian yang baru adalah tidak perlu.

Sebagai tanda sokongan terhadap titah Sultan Selangor, PAUPM akan menganjurkan satu bengkel untuk membincang dan mengkaji semula kerangka Pelan Strategik UPM 2014-2020, di Dewan Fakulti Pertanian UPM, Sabtu ini.

Bengkel itu yang akan mengumpulkan pakar dalam pelbagai bidang terutama pertanian dalam kalangan Alumni UPM, diharap menjana idea ke arah merealisasikan visi dan misi UPM menjadi universiti bertaraf antarabangsa.

Maklumat lanjut boleh diperolehi menerusi talian 03-8946 7242, 03-8946 7243, 03-8946 7244 atau 012-691 3717.